

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)35**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

35. Bekalkan rekod serta usaha untuk menarik lebih banyak konvensyen serta pameran untuk diadakan di Pulau Pinang?
- (a) Apakah impak dan pulangan yang dibawa terhadap ekonomi negeri Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

35. Kerajaan Negeri melalui agensinya, *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PICEB) telah memperkenalkan Pulau Pinang dan pemain industri dengan mengadakan acara perdagangan di Pulau Pinang seperti *Penang International Travel Exchange* (PITE). PICEB membawa *buyers* yang terdiri daripada penganjur, syarikat-syarikat pembekal dan *Destination Management Company* (DMC) daripada seluruh dunia untuk mengadakan sesi *business to business* (B2B) bersama rakan-rakan industri di Pulau Pinang.

PICEB bersama pemain industri serta gabungan *Malaysia Convention & Exhibition Bureau* (MYCEB) membida untuk menganjurkan *congress* peringkat antarabangsa di Pulau Pinang.

- (a) Impak ekonomi atau pulangan kepada ekonomi negeri Pulau Pinang adalah dari segi *Expected Economy Impact* (EEI) seperti jadual di bawah:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH</b>
2018	RM1.3 bilion
2019	RM1.5 bilion
2020	RM66 juta
2021	RM14 juta
2022	RM376 juta
2023	RM1.03 bilion